

Serah 2 kes bernilai RM86,000 kepada KPDNHEP Sarawak

Jun 23, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



SARAWAK, 23 Jun - Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, KPDNHEP Sarawak menerima dua kes daripada Pasukan Gerakan Am, PGA Batalion 11 di Serian semalam.

Menurut kenyataan medianya, kesemua nilai rampasan terbabit mencecah 86-ribu ringgit.

Barang yang disita itu termasuk sebuah lori, sebuah kereta pacuan empat roda, gas petroleum cecair, LPG 44 silinder dan gula bertapis kasar 24 kilogram.

Kes disiasat di bawah seksyen 21, akta kawalan bekalan 1961 dan peraturan 3, kurungan 1 peraturan-peraturan kawalan bekalan 1974.

Sabit kesalahan bagi pertubuhan boleh didenda tidak lebih tiga juta ringgit, bagi setiap kesalahan manakala perseorangan boleh didenda sehingga sejuta ringgit atau tiga tahun penjara.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/19446-serah-2-kes-bernilai-rm86-000-kepada-kpdnhep-sarawak>